

**"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"**



**Jabatan Alam Sekitar**

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis**  
**Tingkat 2, Bangunan KWSP,**  
**Jalan Bukit Lagi,**  
**01000 Kangar, Perlis**



# Teks Wawancara Radio

**Sempena**

**HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA**  
**Peringkat**  
**Negeri Perlis** **2020**

**"Time For Nature"**

**RABU**  
**3 JUN 2020**  
**3:15 PETANG**

# Sambutan HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA Peringkat Negeri Perlis 2020

## Pengenalan :

Pada hari ini, kita akan bersama Tuan Haji Azman Shah bin Haji Ismail, Pengarah JAS Perlis bagi menerangkan tentang Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Perlis.

Selamat Datang Tuan ke Perlis FM .

**Bolehkah Tuan terangkan apakah Hari Alam Sekitar Sedunia dan bagaimanakah sambutan yang akan diadakan di Negeri Perlis pada Tahun 2020?**

Assalamualaikum dan Selamat Petang kepada saudara DJ Bertugas dan semua pendengar Perlis FM. Terlebih dahulu JAS mengucapkan ribuan terima kasih di atas ruang yang diberikan pada hari ini bagi kami menerangkan serba sedikit tentang sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia bagi Peringkat Negeri Perlis bagi Tahun 2020.

Untuk makluman semua, Hari Alam Sekitar Sedunia merupakan satu hari yang diperkenalkan oleh *General Assembly, United Nations Environment Programme* atau *UNEP* sebagai tanda perasmian Persidangan Stockholm pada tahun 1972. Ekoran dari itu, pada 5 Jun setiap tahun telah diisytiharkan sebagai Hari Alam Sekitar Sedunia dan disambut di seluruh dunia dengan pembabitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar.

Baiklah, sebelum kita teruskan dengan sesi kuiz dari JAS, apakah harapan dan pesanan Encik Azman kepada pendengar-pendengar Perlis FM bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini?

Bertepatan dengan tema “Time For Nature” atau “Waktunya Untuk Alam” kita perlu sentiasa mensyukuri nikmat alam semulajadi yang diciptakan Allah kepada kita. Alam sekitar yang kita diami ini penting di dalam memastikan kehidupan yang selesa dengan kesihatan yang terbaik. Jadi inilah masa dan ketikanya untuk kita sama-sama memastikan alam yang kita diami ini kekal lestari sepanjang masa.

Setiap individu memainkan peranan yang penting di dalam memastikan kelestarian alam sekitar. Sikap Takpa atau ambil mudah di dalam cara hidup dan berfikir bahawa ada agensi atau pihak lain yang akan menguruskan alam sekitar perlu kita kikis. Sebaliknya, kita perlu mula ambil tahu dan ambil berat bahawa alam sekitar ini kita pinjam dari anak cucu kita. Jika sampah yang kita tinggalkan, maka sampahlah tempat tinggal anak cucu kita kelak. Semua pihak perlu berganding bahu di dalam mengurangkan pencemaran secara berterusan di muka bumi ini sebagai satu tanggungjawab sosial.

Di dalam mengubah Normal Baharu seperti yang disarankan oleh pihak KKM dalam isu pandemic COVID-19 ini, kita juga harus mengubah diri kita dan mula untuk mengamalkan cara hidup yang lestari dan bertanggungjawab di dalam membudayakan amalan mesra alam kerana setiap perubahan bermula dengan kita di rumah kita.

Besarliah harapan saya bagi pihak JAS kepada pendengar-pendengar semua supaya lebih prihatin terhadap penjagaan alam sekitar, mudah-mudahan kehidupan kita semua akan lebih terjamin dan produktif.

### **Bagaimanakah aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun ini.**

Di JAS Perlis kami rasa amat bertuah kerana diberi ruang ini untuk membuat hebahan melalui Perlis FM bagi mewara-warakan tentang sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia. Selain perkongsian melalui platform ini, kami juga menggunakan platform media social Facebook menggunakan infografik.

Dan sebagai tambahan aktiviti pada hari ini kami juga akan membuat Kuiz Alam Sekitar kepada pendengar Perlis FM pada hari ini.

### **Baiklah, selain daripada program kesedaran sempena Hari Alam Sekitar Sedunia boleh tuan terangkan apakah fungsi dan peranan JAS di dalam usaha memastikan alam sekitar yang sejahtera, dapat diwariskan kepada anak cucu kita pada masa hadapan?**

Untuk makluman pendengar Perlis FM pada hari ini, Jabatan Alam Sekitar Perlis telah ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2001 di Bangunan KWSP, Kangar.

Terdapat 3 bahagian penting di JAS Perlis iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Operasi 1 dan Bahagian Operasi 2 yang menjalankan pentadbiran dan kerja-kerja operasi teknikal.

Antara fungsi bahagian Operasi 1 adalah menjalankan aktiviti pembangunan seperti penilaian kesan ke atas alam sekitar (EIA), kerja-kerja penguatkuasaan EIA, Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor, pelesenan, memberi input pembangunan, rondaan dan siasatan bagi aktiviti pembakaran terbuka, aduan awam, pengawasan kualiti alam sekitar dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam.

Bagi fungsi Bahagian Operasi 2 menfokuskan kepada aktiviti penguatkuasaan premis industri di seluruh negeri Perlis.

Di Perlis, kita juga mengadakan pelbagai aktiviti dan program bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada setiap tahun. Jabatan Alam Sekitar Perlis juga memainkan peranan dengan melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta menyebarkan maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat sebagai satu usaha dan langkah jangka panjang ke arah membina sebuah masyarakat penyayang dan mesra alam.

Antara pengisian yang dijalankan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun-tahun lepas adalah seperti kempen penggunaan beg kitar semula, pameran, ceramah, kem kesedaran, ujian gas dan asap kenderaan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, sambutan pada tahun ini kita lebih berfokus kepada penyebaran maklumat melalui media massa, elektronik dan media sosial sebagai mematuhi arahan semasa yang dikeluarkan oleh Kerajaan dalam tempoh PKPB ini bagi sama-sama kita memutuskan rantaian Covid-19.

### **Apakah Tema Sambutan bagi Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini?**

Tema yang telah ditetapkan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air adalah "*Time For Nature*" atau "Waktunya Untuk Alam". Tema yang digunakan ini juga diangkat mengikut tema yang ditetapkan oleh UNEP pada tahun ini.

Pemilihan tema sambutan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan kesedaran dan tindakan seluruh dunia terhadap alam sekitar. Walaupun seluruh negara masih dalam tempoh PKPB akibat dari pandemik COVID-19, sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia diraikan dengan memastikan setiap pihak sama ada individu atau organisasi memainkan peranan dan tanggungjawab di dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar dalam usaha memperkasakan pengurusan alam sekitar yang lebih lestari demi masa depan alam sekitar yang sejahtera.